

Pertanian bakal enjin pembangunan ketiga negara – Najib

Um - 5/7/2006

PUTRAJAYA 4 Julai – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sektor pertanian bakal menjadi enjin pembangunan ketiga negara selepas sektor perkilangan dan perkhidmatan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Timbalan Perdana Menteri berkata, fokus berkenaan adalah untuk membangunkan sektor tersebut supaya menjadi 'pertanian baru' melalui penggunaan kaedah moden serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

“Sejak 1970-an, sektor perkilangan telah memainkan peranan utama di dalam kejayaan Malaysia dan menjadi tumpuan pelaburan asing dengan sektor yang paling dinamik ialah elektronik.

“Sementara di dalam sektor pertanian, pengurusan moden melalui skim pembangunan tanah iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) telah membantu transformasi dan memodenkan sektor itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Laporan Pembangunan Kemanusiaan Rantau Asia Pasifik di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Biro UNDP bagi Asia dan Pasifik, Dr. Hafiz Pasha dan Wakil Tetap UNDP Malaysia, Singapura dan Brunei, Dr. Richard Leete.

Laporan-laporan itu dihasilkan oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dalam satu perkongsian dengan Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).


Produk

Menurut Najib, dalam masa yang sama Malaysia juga perlu menggerakkan rangkaian dan membina keupayaan perkilangan dengan mengeksport lebih banyak produk berasaskan teknologi.

Tenaga buruh tidak berkemahiran, katanya, dalam industri berasaskan tenaga buruh pula perlu disalurkan kepada bidang pembangunan baru sepanjang tempoh pelarasan.

“Masyarakat Malaysia hari ini memahami bahawa kita tinggal di dunia yang memerlukan perubahan, mereka juga memahami liberalisasi perdagangan dan biarpun mereka tidak suka kepada beberapa aspek namun mereka tahu bahawa mereka tidak boleh mengubahnya.

“Mereka mahu kerajaan memberikan faedah daripada liberalisasi perdagangan itu,” katanya.



NAJIB Tun Razak meneliti buku *Malaysia: International Trade, Growth, Poverty Reduction and Human Development* sambil diperhatikan oleh Dr. Pasha (tengah) dan Dr. Richard Leete (kiri) pada majlis pelancaran Laporan Pembangunan Kemanusiaan Rantau Asia Pasifik di Putrajaya, semalam.